

137,609 peminjam nikmati insentif Bajet 2017

um 14/11

LENGGONG 13 Nov. - Seramai 137,609 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menikmati diskaun sebanyak RM12.1 juta menerusi insentif bayaran balik yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Bajet 2017 pada 21 Oktober lalu.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, pembayaran balik dalam tempoh 10 hari dari 22 hingga 31 Oktober itu melibatkan jumlah sebanyak RM84.8 juta.

"Bagi diskaun 15 peratus penyelesaian penuh, seramai 5,002 peminjam telah menikmati in-

sentif, melibatkan bayaran balik sebanyak RM51.9 juta dengan diskaun berjumlah RM8.8 juta.

"Selain itu, seramai 1,025 peminjam turut menikmati diskaun 10 peratus bagi bayaran minimum 50 peratus daripada baki hutang mereka dengan jumlah bayaran balik sebanyak RM8.9 juta, manakala RM896,000 diskaun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan penyerahan waran



SHAMSUL ANUAR

Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) kepada 120 pelajar melibatkan peruntukan RM180,000 bagi Parlimen Lenggong, Gerik, Padang Rengas dan Kuala Kangsar di Dewan Merdeka Lenggong di sini hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi peminjam yang

membuat bayaran konsisten melalui kaedah potongan gaji pula, seramai 131,582 peminjam telah menikmati diskaun sebanyak 10 peratus.